

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Mufti Johor dalam fatwanya tatkala menjawab soalan lalu menuduh orang-orang mengelirukan fatwanya, sebab orang yang bertanya ataupun yang tidak berkenan dengan fatwanya adalah sentiasa menyebut “wang loteri”, “daripada wang loteri”. Apakah Tuan Mufti memikirkan bahawa wang loteri kebajikan yang dihalalkannya itu bukan wang loteri ataupun bukan daripada wang loteri? Cuba perhatikan: (1) Kerajaan Perikatan menguatkuasakan mengadakan loteri; (2) Suatu Lembaga Pengawal Hasil Loteri diadakan; (3) Orang-orang yang hendak meminta wang loteri hendaklah menulis surat kepada Lembaga Loteri. Apakah di dalam hal ini boleh dibuat dalih wang itu bukan wang loteri?

Kemudian Tuan Mufti Johor mengambil kiasan bahawa masjid-masjid yang bertaburan di dalam dunia Islam adalah didirikan oleh sultan-sultan atau oleh kerajaan. Masjid-masjid itu diadakan pula dengan alat-alat seperti sejadah dan pegawai-pegaunya, bilal-bilalnya, dan imam-imamnya (kami tambah mufti-mufti seperti mufti Johor – Pengarang.) Mereka ini semuanya diberi gaji yang dibelanjakan oleh kerajaan itu daripada hasil berbagai-bagai cukai, maka bagaimakah orang-orang yang sembahyang di sana? Dan berurusan dengan orang-orang yang dibayar dengan wang daripada cukai-cukai itu? Nampaknya Tuan Mufti hendak menegakkan benang basah dan tidak mau rujuk kepada kebenaran.

Wang-wang cukai yang bercampur dan termasuk ke dalam perbendaharaan kerajaan berlainan dengan wang loteri yang dijalankan oleh kerajaan. (dan Mufti-mufti seperti Tuan Mufti Johor mendiamkan diri tidak mau membantah) dan wangnya dikumpulkan khas (tertentu daripada wang hasil loteri) dan yang meminta membuat masjid pun tidak meminta kepada kerajaan tetapi meminta wang loteri kepada Lembaga

Loteri – apa Tuan Mufti mau bilang lagi kalau bukan dari loteri?

\* \* \*

Tuan Mufti menepuk dada bersedia hendak berbahas dan berdebat dengan sebarang orang alim dengan syarat orang yang hendak berbahas itu diuji dahulu ilmu pengetahuannya. Orang-orang tersenyum kerana siapa yang akan menguji orang itu? Sedang Tuan Mufti sendiri pun harus pula akan kena uji. *Wa al-hāṣil* syarat-syarat yang dikehendaki itu sebenarnya jangan tidak sahaja. Bagi orang yang mengetahui sifat beliau hanya tersenyum dan tertawa kerana mereka ingat apabila ribut-ribut dahulu masalah khilafiah-khilafiah, beliau mengatakan bersedia berdebat dengan almarhum Kiyai Hassan Bandung. Apabila yang mengurusnya berjumpa Tuan Mufti untuk membuat syarat-syarat berbahas atas perkara yang dipersoalkan itu maka beliau berkata, bahawa beliau menolak, kerana beliau tidak mau menyakiti imam-imam mazhab dan hanya mau berbahas di dalam lain-lain perkara. Tidakkah ganjil yang dipersoalkan perkara perselisihan yang ada di dalam mazhab tetapi akhirnya tidak mau berbahas kerana tidak mau menyakiti imam-imam mazhab. Rupanya sekarang sejarah mengulang riwayatnya ke atas beliau. Beliau mau berbahas dengan satu syarat yang tidak seseorang pun dapat memutuskannya.

\* \* \*

Orang bertanya kepada Tuan Mufti Johor mengenai orang-orang yang bekerja yang meninggalkan sembahyang Jumaat tiga kali seperti askar yang tinggal di dalam hutan hingga dua bulan baharu balik. Tuan Mufti menjawab: Wajib atas pekerja-pekerja semua meminta izin untuk menunaikan fardhu Jumaat tiap-tiap hari Jumaat, dan bagi mereka yang takut

dibuang kerja seperti dia yakin kalau pergi berjumaat akan diberhentikan, maka atasnya dihukumkan uzur.” Tuan Haji Mas’ud Hayati anggota Jawatankuasa Agama dalam UMNO tampil menepuk dada lalu mengatakan fatwa Mufti itu adalah menunjukkan Mufti Johor itu sangat tolol dan samalah seperti orang yang tak ada ilmu pengetahuan dalam agama Islam, jahil dan sangat dikesalkan. Melihat fatwa Tuan Mufti itu dan melihat perkataan Tuan Haji Mas’ud Hayati orang-orang pun bertanya: Siapa tolol dan jahil Tuan Muftikah atau Tuan Haji Mas’ud Hayati. Orang-orang Islam hairan: Beginikah sifat ulama kita? Apakah ulama itu tidak mau berbahas dengan baik dan suka tolol mentololkan orang? Wahai ulama! Ingatlah tuan-tuan adalah menjadi contoh umat! Kalau tuan celupar umat akan lebih celupar lagi. Berhati-hatilah!

\* \* \*

Tuan Haji Mas’ud Hayati, anggota Jawatankuasa Agama UMNO mentololkan Mufti Johor berkata, bahawa ia tidak pernah berjumpa di dalam Qur'an dan hadis yang meluluskan orang-orang Islam tak payah sembahyang Jumaat. Benar tuan haji. Tuan Mufti Johor pun tahu, tetapi soal yang ada lain.

Kerana gagahnya dengan Qur'an dan hadis dan kerana mengetahui pula ia seorang anggota Jawatankuasa Agama UMNO, orang pun suka hendak tau di manakah ada di dalam Qur'an dan hadis yang meluluskan boleh mengadakan loteri kebijakan seperti sekarang? Kenapa Tuan Haji Mas’ud bungkam tidak berani mendirikan hak? Loteri dijalankan dan dikuatkuasakan oleh kerajaan sedang anggota Jawatankuasa Agama UMNO, termasuk Tuan Haji Mas’ud tidak mau berkata apa-apa untuk membantahnya. Kalau ia bukan ulama “tolol” seperti istilahnya itu sudah tentu ia membantah dan mendirikan hak! Kalau tidak diterima tentu ia akan meletakkan jawatannya sebab seseorang Islam yang jati, terutamanya yang telah tersebut sebagai ulama Islam tentunya tidak akan berbuat melemahkan giginya daripada lidahnya.

Beginilah dunia.

\* \* \*

Tuan Haji Harun Aminurrashid bekas Yang Dipertua Persatuan Kebudayaan Melayu Singapura dan seorang yang terkenal dalam persuratan Melayu, didalam ceramahnya sesudah pulang darpa menuaikan fardu haji, di antara lain mengatakan bahawa pakaian-pakaian serban dan jubah panjang, songkok putih dan tasbih adalah pakaian yang dipakai juga oleh orang-orang Arab yang bukan Islam dan orang-orang Yahudi juga. Ucapan tuan haji baharu mengenai pakaian ini setidaknya telah menyentuh perasaan orang-orang yang gemar memakai pakaian itu yang dibelinya dengan wangnya sendiri. Mereka harus pula berkata bahawa pakaian yang selalu dipakai oleh tuan haji baharu yang nampaknya jijik hendak memakai serban itu adalah berasal daripada orang-orang Nasrani dan Yahudi yang boleh pula menyesatkan orang-orang yang memandang harus tersalah pandang mengatakan bahawa pemakainya pun orang Yahudi ataupun Nasrani juga.

\* \* \*

Pak Kasur, seorang tokoh seni Indonesia (Jawa) telah dipinjamkan bekerja di radio Singapura sebagai suatu langkah membawa seni Indonesia ke mari. Sesudah beberapa bulan di sini, corak yang dibawanya telah kelihatan – nyanyi revolusi seperti “Hello Bandung” dipopularkan - padahal tidak kena dengan kebudayaan – ini semata-mata dengan erti perjuangan ke-Jawa-an. Tarian-tarian semuanya bersifat Hindu dan lebih dasyat lagi ia berani mengatakan bahawa di sini orang-orang tidak ada mempunyai seni-seni tarian yang baik. Kerana itu orang bertanya, adakah seni Jawa yang berbau Hindu itu hendak dimasukkan sedalam-dalamnya ke dalam kebudayaan Melayu?

Kalau hal ini dikaitkan pula dengan cadangan menjadikan pujangga Indonesia (Jawa) dijadikan ketua Dewan Bahasa di Singapura maka orang-orang takut bahasa Melayu yang bersih akan jadi bukannya ke Indonesia, tetapi ke-Jawa-an – dan akhirnya bahasa Melayu rosak. Hal ini patut diperhatikan oleh ahli-ahli bahasa kita.